



PERJANJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH

DENGAN

HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

WAN KHAIRUNNISA AZMI (860225-29-5576)

(Nama PEGAWAI dan No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada

Untuk Kegunaan Jabatan:

Kod Fail: / / Jld. ()

Program:

K
E
T
I
P

K
E
T
I
P

PERJANJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

Perjanjian Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan ini (selepas ini disebut "**Perjanjian**") dibuat pada tarikh yang dinyatakan di **Bahagian 1 Jadual** antara Kerajaan Malaysia yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Blok C1 & C2, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya (selepas ini disebut "**Kerajaan**") sebagai pihak pertama dan pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di **Bahagian 2 Jadual** (selepas ini disebut "**Pegawai**") sebagai pihak kedua.

Kerajaan dan Pegawai boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai "**Pihak-Pihak**".

BAHAWASANYA -

- A. Pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan/ perkhidmatan awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan atau Negeri)/ Pihak Berkuasa Tempatan.
- B. Pegawai telah memohon dan Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan seperti yang dinyatakan di **Bahagian 4 Jadual** sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran tetap daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang disalinkan kepada Pegawai yang butirannya dinyatakan di **Bahagian 3 Jadual** (selepas ini disebut "**Surat Tawaran**").
- C. Pegawai telah menerima Surat Tawaran dan bersetuju untuk mengikuti Pengajian tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini dan Surat Tawaran tersebut.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Definisi

Dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah diberi maksud seperti yang berikut:

- "Cuti Belajar"** - ertinya cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh itu, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
- "Cuti Belajar Bergaji Penuh"** - ertinya cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh itu pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun lain yang berkecualan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan;
- "Cuti Tanpa Gaji"** - ertinya cuti yang diluluskan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diperuntukan dalam Perintah Am 14(a) Perintah Am Bab C;

- "Hadiah Latihan Persekutuan"** - ertinya kemudahan yuran pengajian, elaun dan bantuan-bantuan lain yang pegawai berkecualan seperti yang dinyatakan dalam **Fasal 2.2 dan 2.3** serta Surat Tawaran;
- "Institusi"** - ertinya universiti, kolej atau institusi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran di **Bahagian 3 Jadual**;
- "Pengajian"** - ertinya kursus ijazah lanjutan, ijazah sarjana muda, diploma, sijil atau apa-apa kursus yang akan diikuti oleh pegawai seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran;
- "Tempoh Penajaan"** - ertinya tempoh penajaan seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 5 Jadual**;
- "Tempoh Pengajian"** - ertinya tempoh pengajian seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran termasuk apa-apa pelanjutan tempoh pengajian yang diluluskan oleh Kerajaan; dan
- "Tempoh Perkhidmatan"** - ertinya tempoh pegawai dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan setelah melapor diri tamat Pengajian sama ada dengan jaya atau tidak seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 6 Jadual**.

1.2 Tafsiran

- (a) resital, mukadimah, fasal, lampiran dan apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting dalam Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital, mukadimah, fasal dan lampiran dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital, mukadimah, fasal dan lampiran dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) perkataan yang membawa maksud satu adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (d) tajuk dan tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- (e) sekiranya rujukan berkaitan dengan tempoh masa bagi sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan itu hendaklah dianggap dibaca bersama ungkapan itu atau "mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa";
- (f) rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula; dan
- (g) apa-apa rujukan kepada "kelulusan" atau "kebenaran" adalah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis.

1.3 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini terhadap isi kandungan Perjanjian ini. Perjanjian ini telah menggantikan kesemua persetujuan terdahulu sama ada yang nyata atau tidak nyata, bertulis atau pun lisan.

2. TANGGUNGJAWAB KERAJAAN

- 2.1 Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kerajaan bersetuju untuk memberi Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan kepada Pegawai untuk mengikuti Pengajian di Institusi yang dinyatakan dalam Surat Tawaran di **Bahagian 3 Jadual**.
- 2.2 Kerajaan akan membiayai yuran Pengajian yang akan dibayar secara terus kepada Institusi atau kepada Pegawai sendiri atau melalui wakil yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 2.3 Kerajaan akan memberi elaun dan bantuan lain (jika ada) yang akan dibayar secara terus kepada Pegawai sendiri atau melalui wakil yang ditetapkan oleh Kerajaan.

3. MENYEMPURNAKAN TEMPOH PENGAJIAN

Pegawai hendaklah mengikuti Tempoh Pengajian dengan jayanya dan hendaklah memperoleh kelulusan seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.

4. SYARAT-SYARAT SEMASA TEMPOH PENGAJIAN

4.1 Pengajian

- (a) Pegawai hendaklah -
 - (i) mengikuti Pengajian dengan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dengan menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial dan apa-apa program yang dijalankan berkaitan dengan Pengajian;
 - (ii) menghadiri semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan yang berkaitan dengan Pengajiannya seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran; dan
 - (iii) menyempurnakan Pengajian seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran;
- (b) Pegawai tidak boleh -
 - (i) menukar bidang, peringkat atau mod Pengajian dan/ atau tempat Pengajiannya ke Institusi selain daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan;
 - (ii) melanjutkan tempoh dan/ atau menangguhkan Pengajian;
 - (iii) meninggalkan Pengajian sebelum menyempurnakan Pengajian itu; atau

- (iv) meletakkan jawatan atau meninggalkan perkhidmatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan/ perkhidmatan awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan atau Negeri)/ Pihak Berkuasa Tempatan yang disandang oleh Pegawai, tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu.

4.2 Laporan Kemajuan Akademik Dan Keputusan Peperiksaan

Pegawai hendaklah melaporkan dengan segera kepada Kerajaan, laporan kemajuan akademik dan/ atau keputusan peperiksaan atau ujian penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh Pegawai dalam tempoh Pengajian sebaik sahaja keputusan peperiksaan atau ujian tersebut diisytiharkan oleh Institusi.

4.3 Disiplin

- (a) Pegawai hendaklah -
 - (i) mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa ke atasnya dari semasa ke semasa; dan
 - (ii) sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa ke atas Pegawai termasuklah yang berkaitan dengan kawalan disiplin sebagaimana yang ditetapkan oleh Institusi dari semasa ke semasa;

4.4 Hasutan dan Tunjuk Perasaan

Pegawai tidak boleh -

- (a) mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi;
- (b) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi;
- (c) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang pada pendapat Kerajaan, adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi; atau
- (d) menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan, atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang pada pendapat Kerajaan adalah memudaratkan kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi.

4.5 Menyertai Politik dan Pertubuhan

Pegawai tidak boleh -

- (a) mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan berunsur politik atau anti-Kerajaan;
- (b) memegang apa-apa jawatan dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu dan Kerajaan, mengikut budi bicara mutlakannya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu; atau
- (c) menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat Kerajaan boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu dan Kerajaan, mengikut budi bicara mutlakannya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

4.6 Tamat Pengajian

- (a) Pegawai yang mengikuti Pengajian di Institusi luar negara hendaklah kembali ke Malaysia dan melaporkan diri kepada Kerajaan serta-merta mengikut cara dan kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan selepas menamatkan Pengajiannya sama ada dengan jayanya atau tidak.
- (b) Pegawai yang mengikuti Pengajian di Institusi dalam negara hendaklah melaporkan diri kepada Kerajaan serta-merta mengikut cara dan kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan selepas menamatkan Pengajiannya sama ada dengan jayanya atau tidak.
- (c) PEGAWAI tidak boleh dalam tempoh Pengajian melakukan perbuatan salah laku yang melanggar peraturan tata tertib atau undang-undang yang berkuat kuasa, atau peraturan oleh universiti, kolej atau institusi atau yang menjatuhkan nama baik KERAJAAN atau Malaysia.

4.7 Syarat-Syarat Lain

Pegawai tidak boleh -

- (a) melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan Pengajiannya;
- (b) mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan tidak selaras dengan kepentingan Pengajian atau kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi;

DENGAN SYARAT SENTIASA BAHAWA sekiranya Pegawai telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh Kerajaan bahawa kegiatan itu adalah tidak selaras dengan kepentingan Kerajaan, Negara atau Institusi, maka Pegawai hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;

- (c) menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa jua cara dan bentuk bantuan kewangan lain bagi tujuan Pengajiannya;
- (d) menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak kecuali dengan kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu; atau

- (e) melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan Pegawai ditamatkan Pengajian dan/ atau dibuang daripada mengikuti Pengajian.

5. PEMULANGAN LEBIHAN BAYARAN

- 5.1 Jika Kerajaan mendapati Pegawai dalam mana-mana keadaan telah menerima apa-apa lebihan bayaran yang dibuat di bawah Fasal 2, maka lebihan bayaran itu hendaklah disifatkan sebagai hutang kepada Kerajaan dan Pegawai adalah bertanggungjawab untuk memulangkan lebihan bayaran itu kepada Kerajaan mengikut cara yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 5.2 Sekiranya Pegawai gagal memulangkan lebihan bayaran seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.1, maka Kerajaan berhak untuk memotong terus lebihan bayaran itu daripada apa-apa bayaran akan datang kepada Pegawai atau memotong emolumen atau faedah persaraan Pegawai (jika berkaitan) atau membuat tuntutan terhadap Pegawai.

6. BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

- 6.1 Pegawai hendaklah berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan/ perkhidmatan awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan atau Negeri)/ Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana badan yang diarahkan oleh Kerajaan dalam jawatan yang ditetapkan oleh Kerajaan mengikut Tempoh Perkhidmatan berkuat kuasa mulai dari tarikh Pegawai melapor diri berkhidmat setelah menamatkan Pengajian itu sama ada dengan jayanya ataupun tidak.
- 6.2 Tanpa menjejaskan keluasan maksud Fasal 6.1, Pegawai hendaklah menyempurnakan baki kontrak terdahulu (jika ada), sebelum memulakan Tempoh Perkhidmatan.
- 6.3 Bagi maksud Fasal 6.2, penguatkuasaan hak Kerajaan terhadap Pegawai bagi baki kontrak terdahulu ditangguhkan sehingga Pegawai melapor diri menurut Fasal 6.1.
- 6.4 Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pelaksanaan kontrak untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan/ perkhidmatan awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan atau Negeri)/ Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Perjanjian ini.
- 6.5 Bagi maksud Fasal ini, "baki kontrak terdahulu" ertinya baki tempoh berkhidmat dengan Kerajaan yang belum disempurnakan oleh Pegawai mengikut kehendak mana-mana perjanjian terdahulu antara Pegawai dengan Kerajaan sebelum Pegawai mengikuti Pengajian.

7. PELANGGARAN DAN PENAMATAN PERJANJIAN

7.1 Pelanggaran Perjanjian oleh Pegawai

Sekiranya Pegawai -

- (a) dalam Tempoh Pengajiannya -

- (i) gagal Pengajiannya kerana tidak mencapai markah lulus/ syarat yang ditetapkan oleh Institusi;
- (ii) gagal menamatkan Pengajian mengikut Tempoh Penajaan dan termasuk apa-apa tempoh lanjutan/ penangguhan yang diluluskan oleh Kerajaan;

- (iii) ditamatkan Pengajian dan/ atau penajaan kerana melakukan pelanggaran mana-mana perkara di bawah Fasal 4.3;
 - (iv) menarik diri atau meninggalkan Pengajian sebelum menyempurnakan Pengajian itu; atau
 - (v) melanggar mana-mana syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, Surat Tawaran atau apa-apa peraturan yang terpakai kepada Pegawai;
- (b) dalam Tempoh Perkhidmatannya -
- (i) gagal menyelesaikan Tempoh Perkhidmatan atau melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan dalam Fasal 6 Perjanjian ini;
 - (ii) dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan atas apa-apa sebab sekalipun; atau
 - (iii) meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atau apa-apa pekerjaan lain yang telah diarahkan atau dipersetujui oleh Kerajaan,
- maka Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi tiga puluh (30) hari notis kepada Pegawai.

7.2 Kesan Penamatan Perjanjian

7.2.1 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 7.1, Pegawai hendaklah -

- (a) bertanggungjawab bagi pihak dirinya, apabila diminta oleh Kerajaan -
 - (i) membayar kepada Kerajaan sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah tuntutan ganti rugi yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** bagi pelanggaran di bawah Fasal 7.1(a)(i) atau 7.1(a)(ii) tanpa menjejaskan hak Kerajaan untuk menuntut sepenuhnya jumlah tuntutan ganti rugi yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tuntutan dikeluarkan oleh Kerajaan; atau
 - (ii) membayar kepada Kerajaan jumlah tuntutan ganti rugi yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** bagi pelanggaran selain daripada pelanggaran di bawah Fasal 7.1(a)(i) dan 7.1(a)(ii) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tuntutan dikeluarkan oleh Kerajaan; dan

(iii) menanggung segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguam cara - anak guam dan apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi maksud menguatkuasakan Perjanjian ini;

(b) terus berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan/ perkhidmatan awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan atau Negeri)/ Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana badan yang dipersetujui oleh Kerajaan dalam jawatan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan di Fasal 6.

7.2.2 Jika Pegawai gagal membuat bayaran menurut Fasal 7.2.1(a), Pegawai dengan ini bersetuju untuk membenarkan Kerajaan -

(a) membuat potongan; dan/ atau

(b) membuat perkiraan dengan mana-mana pihak ketiga yang merupakan majikan Pegawai untuk memotong,

keseluruhan jumlah yang gagal dibayar itu daripada emolumen Pegawai dan jumlah itu hendaklah dibayar terus kepada Kerajaan sebagai bayaran bagi tuntutan menurut Fasal 7.2.1(a).

8. PENAMATAN AWAL DENGAN NOTIS

8.1 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal tanpa memberi apa-apa sebab, dengan memberi tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Pegawai.

8.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan menurut Fasal 8.1, maka segala faedah bagi dan tanggungan Pegawai di bawah Perjanjian ini adalah terhenti dan Pegawai hendaklah melaporkan diri apabila tempoh notis penamatan tamat melainkan jika pada masa itu Pegawai sedang dalam Pengajiannya dan berada di luar negara, maka Kerajaan hendaklah memberi Pegawai tambang balik ke Malaysia mengikut jalan laut atau udara dan dengan mengikut kelas sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

9. PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK SAH ATAU MENYALAHAI UNDANG-UNDANG

9.1 Tanpa prejudis kepada mana-mana hak Kerajaan yang lain, jika Pegawai, disabitkan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah atau apa-apa aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain yang dimeterai antara Kerajaan dan Pegawai, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis dengan serta-merta kepada Pegawai bagi maksud itu.

9.2 Jika Perjanjian ini ditamatkan menurut Fasal 9.1, kesan penamatan menurut Fasal 7.2.1(a) adalah terpakai.

10. PENAMATAN PERJANJIAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA, DASAR KERAJAAN ATAU DASAR AWAM

- 10.1 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tempoh tiga puluh (30) hari kepada Pegawai (tanpa sebarang obligasi untuk menyatakan sebabnya), jika Kerajaan berpandangan penamatan itu perlu atas sebab kepentingan Negara, keselamatan Negara, dasar Kerajaan atau dasar awam.
- 10.2 Bagi maksud Fasal 10.1, penentuan "kepentingan Negara", "keselamatan Negara", "dasar Kerajaan" atau "dasar awam" hendaklah secara keseluruhannya ditentukan oleh Kerajaan. Penentuan itu hendaklah bagi apa-apa tujuan dan niat, adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 10.3 Apabila Perjanjian ini ditamatkan menurut Fasal 10.1, maka segala faedah bagi dan tanggungan Pegawai di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.

11. PINDAAN

- 11.1 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kerajaan berhak meminda apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Pegawai dan Pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan itu.
- 11.2 Apa-apa pindaan yang dibuat oleh Kerajaan di bawah Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan disifatkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.

12. NOTIS

- 12.1 Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permohonan atau apa-apa komunikasi lain yang perlu dihantar kepada Pegawai di bawah Perjanjian ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan atau diposkan atau dihantar dengan apa-apa cara lain yang munasabah ke alamat Pegawai seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 2 Jadual** yang hendaklah disifatkan telah disampaikan atau diberitahu dengan sempurna kepada Pegawai.
- 12.2 Pegawai hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan dengan seberapa segera pertukaran alamat terkini Pegawai melalui notis bertulis.
- 12.3 Pengemukaan rekod rasmi yang mengandungi catatan bahawa notis itu telah disampaikan menurut kaedah yang dinyatakan dalam Fasal 12.1 hendaklah menjadi bukti penyerahan notis itu kepada Pegawai.

13. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk menjalankan penguatkuasaan mana-mana hak, remedi atau peruntukan bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada sesuatu penepian hak, melainkan jika ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.

14. KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana fasal daripada Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan, fasal itu hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsir dan dikuatkuasakan seolah-olah fasal yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan fasal-fasal lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa fasal yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

15. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

15.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.


15.2 Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

16. DUTI SETEM DAN KOS

Kos penyediaan Perjanjian ini dan duti setem yang harus dibayar berkenaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Pegawai sepenuhnya.

17. MASA


Masa, di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini merupakan inti pati kepada Perjanjian ini.



PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN, Pihak-Pihak telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:
untuk dan bagi pihak
KERAJAAN MALAYSIA
Nama

Ditandatangani oleh:
PEGAWAI
Nama : WAN KHAIRUNNISA AZMI
Nokp : 860225-29-5576



JADUAL

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada PERJANJIAN ini)

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Tarikh Perjanjian	
2.	PEGAWAI	Nama: WAN KHAIRUNNISA AZMI No. Kad Pengenalan: 860225-29-5576 Tarikh Lahir: 25/02/1986 Alamat Tetap: NO 6 JALAN LOMBONG EMAS 2, 29/33 SEKSYEN 20 40460 SHAH ALAM SELANGOR Emel: globalcompetitiveness396@gmail.com
3.	Surat Tawaran	No. Rujukan: JPA(I)860225295576 Universiti: UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Tarikh: 06/02/2024
4.	Jenis Kelulusan	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN
5.	Tempoh Penajaan	18/03/2024 HINGGA 17/08/2025 (16 BULAN 30 HARI)
6.	Tempoh Kontrak Berkhidmat Dengan Kerajaan: (a) Tamat Pengajian dalam Tempoh Penajaan; atau (b) Tamat Pengajian dengan Pelanjutan	4 (Empat) Tahun Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan
7.	Jumlah Tuntutan Ganti Rugi: (a) Tamat Pengajian dalam tempoh tajaan; atau (b) Tamat Pengajian dengan pelanjutan	RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu sahaja) Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan

t.t ringkas pegawai

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berikut sebagai dokumen sokongan kepada Perjanjian ini:

- (a) Surat Tawaran; dan
- (b) Surat penerimaan Tawaran.

